

Pengajaran Dari Surah Maryam Bahagian 4

Muhammad Haniff Hassan

ismhaniff@ntu.edu.sg / www.haniff.sg

Ayat, 19:59-63

- Kitaran alami sesuatu kaum
 - baik – jahat – baik – jahat dan seterusnya (19:59)
 - rugi = akhiri kehidupan sebagai kaum yang jahat
 - untung/terselamat = akhiri kehidupan sebagai kaum yang soleh

- Sebab-sebab kejatuhan/kemusnahan
 - abaikan solat (19:59)
 - > kepentingan solat
 - > konsep pengabaian pada semua sudut
 - ~ menunaikan sebahagian sahaja
 - ~ tidak penuhi hukum yang betul
 - ~ tidak lakukan sama sekali
 - ~ tolak kewajiban solat
 - ikut nafsu, melakukan dosa (19:59)
- Natijahnya = akhir yang buruk (su'ul khatimah) 19:59), kecuali mereka yang
 - taubat (19:60)
 - ikuti dengan amal soleh (19:60)

- Bagi bukan Muslim = kembali ke fitrah (19:60)
 - bagi Muslim = taubat dan ikuti agama yang dianuti
- Taubat bukan hanya untuk mereka yang melakukan dosa (19:60)
 - mesti andaikan telah melakukan dosa kerana manusia tidak sempurna
 - > taubat adalah amalan berterusan seorang beriman/gaya hidup = jalan ke syurga, tambahan ke atas iman dan amal soleh

- 19:61 – “bil ghaib” (alam yang tidak dapat dijangkau oleh deria manusia)
 - petunjuk bahawa syurga adalah sesuatu di luar realiti yang diketahui = tidak dapat dilihat
 - > lain dari pendapat yang menganggap syurga hanya satu metafora bagi kehidupan yang baik di dunia ini
 - syurga bukan hanya sesuatu yang ada di luar sana, tapi sesuatu yang perlu dicontohi dalam kehidupan di dunia ini
 - fikir, kenapa syurga dinamakan “jannah” (taman)
 - > hijau = relevan bagi hidup di dunia

- Bagaimana seharusnya kehidupan/negara/masyarakat
 - tiada cakap kosong (bagi yang berkata dan mendengar) (19:62)
 - sebarkan salam (keamanan) (19:62)
 - capai / beri pembangunan material (nafkah / kehidupan / kemakmuran / ekonomi / sekitaran / prasarana yang bagus) (19:61-2)
 - > secara sederhana, bukan berlebihan/bermewah-mewah

- Taqwa kunci masuk syurga (19:63)
 - kepentingan nilai, bukan kebendaan
 - Islam tidak tolak kebendaan (Daud a.s, Sulaiman a.s, Zulqarnain adalah tokoh-tokoh besar dan soleh, 19:61-2), tapi dahulukan nilai
 - nilai pandu bagaimana guna harta benda
 - tanpa nilai, mudah ikut nafsu
 - tamadun dulu musnah kerana nilai yang rosak, bukan kerana kurang kebendaan
 - kaedah dan falsafah pendidikan Islam

Ayat, 19:64-5

- Sebab turun ayat
 - Jibril lewat menurunkan wahyu sebagai jawapan bagi soalan dan cabaran Quraisy dalam surah Al-Kahf
 - Nabi s.a.w rasa teruja
 - ayat diturunkan
- Wahyu turun atas kehendak Tuhan = Al-Quran bukan ditulis oleh Nabi s.a.w
 - hak eksklusif Tuhan, tapi bersebab
 - wahyu turun beransur-ansur adalah kehendak Tuhan = ada hikmah
 - kelebihan pendekatan beransur-ansur

- Seseengah benda yang baik bagus ditangguhkan
- 19:65 – sabar dalam ubudiyah satu kemestian
 - perintah Tuhan
 - tiada ibadah dapat ditunaikan tanpa sabar
 - > begitu juga dengan urusan hidup
 - fadilat sabar bagi Muslim

Ayat, 19:66-72

- Tentang tidak beriman dengan akhirat (ateis) (19:66, 13:5, 36:77-9)
- Hujah utama iman pada akhirat
 - jika Tuhan boleh mencipta, Dia boleh mencipta semula (19:67, 30:27)
 - > maksudnya, buktikan dulu Tuhan ada
 - > Dia yang cipta alam
- 19:68 = tidak beriman pada akhirat adalah dosa besar kerana azab yang ditetapkan adalah pedih

- 19:69, Pendekatan Tuhan dalam menghukum
 - membeza-bezakan (bukan generalisasi)
 - > bezakan antara buruk dan sangat buruk
 - > setiap kelompok yang jahat adalah golongan yang tegar (pemimpin dsb.) = rujuk sosiologi
 - sesuaikan tahap azab dengan tahap kejahatan (19:70) = adil
- 19:71-2
 - "... Dan tidak ada seorang pun dari padamu, melainkan mendatangiNYA (And every one of you will come within sight of IT).."
 - > rujuk pada sirat = semua akan lalui sirat; yang soleh akan berjaya (19:72)
 - > rujuk pada neraka (semua yang berdosa akan ke neraka)
 - ~ tapi yang beriman akan dikeluarkan dan masuk ke syurga setelah jalani hukuman (19:72)

Ayat, 19:73-6

- Sifat-sifat orang yang tidak beriman (19:73)
 - tertipu oleh kekayaan dan pencapaian
 - kesilapan – kekayaan = benar
 - > kekayaan membuktikan sesuatu, tapi bukan kesolehan atau kebenarakan iman/moral
 - untuk yang berkuasa dan “high-achiever”, kekayaan dan kejayaan gagal untuk pelihara umat dahulu dari musnah, apabila dalam diri mereka telah rosak (19:74, Baghdad dimusnahkan oleh kaum yang lebih rendah tamadunnya (Mongol), Eropah oleh Hun, USSR pecah setelah kekalahan di Afghanistan)
- 19:75, jangan cepat merayakan kejayaan

- 19:76, takrif kejayaan (salvation)
 - hidup bawah bimbingan Tuhan
 - Tuhan akan beri hidayah atau sesatkan seseorang setelah dia buat pilihan untuk ikut atau tinggalkan agamaNya (19:75)